



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
29 Syaaban 1441 / 23 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis , 29 Syaaban 1441H bersamaan 23 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **dua kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 119 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **18 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **138 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,425 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 281 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,430 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tiga lagi kes** telah disahkan positif semula. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang di mana 14 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai pengemaskinian garis panduan berhubung dengan perkumpulan ramai atau *Mass Gathering* yang dikeluarkan pada hari ini. Garis panduan tersebut memberi panduan berhubung dengan acara-acara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan serta langkah berjaga-jaga yang perlu dipatuhi orang ramai. Garis panduan tersebut akan

meliputi acara-acara seperti aktiviti-aktiviti peribadi dan kekeluargaan, pendaftaran perkahwinan dan majlis akad nikah, mesyuarat, persidangan, kursus latihan dan temuduga pekerjaan serta aktiviti rekreasi di kawasan yang terbuka. Untuk makluman orang ramai, garis panduan ini akan diteliti dan dikemaskini dari semasa ke semasa tertakluk kepada perkembangan situasi wabak COVID-19 di peringkat nasional dan antarabangsa. Dengan ini, garis panduan yang telah dikeluarkan sebelum ini tidak lagi akan digunakan bagi rujukan dan digantikan dengan garis panduan yang bertarikh 29 Syaaban 1441 / 23 April 2020.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 29 Syaaban 1441H / 23 April 2020